

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/7 / 2008

Akuan bersumpah boleh timbulkan subjudis

KUALA LUMPUR 3 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, akuan bersumpah seorang penyiasat persendirian mengenai hubungan Timbalan Perdana Menteri dengan Altantuya Shaaribuu boleh menimbulkan subjudis dalam kes pembunuhan wanita Mongolia itu.

Menurut Perdana Menteri, adalah tidak wajar dakwaan tersebut dibuat ketika ini kerana kes bunuh itu telah dise-

but dan masih dibicarakan di mahkamah.

"Kes itu telah disebut di dalam mahkamah, apa lagi hendak diperkatakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara (NCIA) di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas akuan bersumpah yang di-

buat oleh penyiasat persendirian, P. Balasubramaniam, salah seorang saksi dalam kes pembunuhan wanita Mongolia itu.

Abdullah berkata, dakwaan seperti itu akan menambahkan lagi cerita-cerita politik yang berlegar ketika ini.

Perdana Menteri berkata, Najib telah memaklumkan kepada beliau berhubung dakwaan itu bagaimanapun ia tidak dibin-

cangkan secara lanjut.

Beliau yang enggan mengulas lanjut kes tersebut kerana boleh menimbulkan subjudis, berkata, siasatan akan dilakukan setiap kali dakwaan seperti itu dibuat.

"Timbalan Perdana Menteri memaklumkan kepada saya, dia akan mendapatkan pandangan Peguam Negara mengenai perkara ini kerana ia sudah disebut dalam mahkamah," katanya.

um - 4/7/2008